

0976  
R B160 BAH  
MAHATHIR - UMNO  
SIR MAS, 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENGARAHKAN SEMUA ANGGOTA UMNO SUPAYA MENJELAJAH KE SELURUH NEGARA, MULAI SEKARANG UNTUK MENGAJUKAN ANGGOTA-ANGGOTA PAS DAN PARTI SEMANGAT 46 KEMBALI KE PANGKAL JALAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SETIAP ANGGOTA UMNO MESTI MEMPUNYAI PERASAAN KASIHAN TERHADAP ANGGOTA DAN PENYOKONG KEDUA-DUA PARTI PEMBANGKANG ITU, YANG NYATA TELAH TERTIPU OLEH PARA PEMIMPIN MEREKA YANG MENDAKWA KONONNYA MEREKALAH JAGUH YANG MEMPERJUANGKAN KEDAULATAN ISLAM DAN BANGSA MELAYU.

+PENGIKUT-PENGIKUT PAS MESTILAH DISEDARKAN BAHAWA SELAIN DARIPADA TERPEDAYA OLEH PEMIMPIN SENDIRI, PARTI YANG MEREKA ANGGOTAI JUGA KINI TELAH DIPERDAYAKAN OLEH RAKAN KERJASAMANYA IAITU PARTI SEMANGAT 46,+ KATANYA KETIKA BERUCAP PADA SATU PERHIMPUNAN +RAPAT RAKYAT+ DI MINI STADIUM PASIR MAS, DI SINI HARI INI.

MENURUTNYA, PARA PENGIKUT PARTI SEMANGAT 46 PULA MESTILAH DISEDARKAN BAHAWA SELAIN PEMIMPIN MEREKA SEMATA-MATA BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI, PARTI YANG MEREKA DOKONGI JUGA TELAH TERTIPU OLEH SEBUAH LAGI PARTI PEMBANGKANG IAITU DAP.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGAJAK PENYOKONG PAS MERENUNG SETIAP APA YANG DIPERKATAKAN OLEH PARA PEMIMPINNYA KERANA MENURUTNYA, +APA YANG DIKATAKAN OLEH HAJI ABDUL HADI AWANG DI RUSILA, MARANG ADALAH TERNYATA MEMPUNYAI NADA YANG BERBEZA DARIPADA APA YANG DIKATAKANNYA DI PULAU PINANG+. -- LAGI  
2034MST 28 06 90

0976

R B160 BAH  
MAHATHIR - UMNO 2 PASIR MAS

BELIAU HAIRAN BAGAIMANA PAS BOLEH BERSEKONGKOL DENGAN PARTI SEMANGAT 46 SEDANGKAN PEMIMPIN PARTI ITU IAITU TENGGU RAZALEIGH HAMZAH ADALAH ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MENUMBANGKAN KERAJAAN PAS DI KELANTAN PADA PILIHAN RAYA 1978.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, CITA-CITA TENGGU RAZALEIGH UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI AKAN HANYA TINGGAL CITA-CITA WALAUPUN TELAH ADA PERSETUJUAN ANTARA PARTI ITU DAN DAP UNTUK MELANTIK LIM KIT SIANG (DAP) SEBAGAI KETUA MENTERI PULAU PINANG DAN TENGGU RAZALEIGH MENJADI PERDANA MENTERI SEKIRANYA PARTI MEREKA MENANG PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

+APA YANG DIBIMBANGKAN IALAH NANTI LIM KIT SIANG BENAR-BENAR MENJADI KETUA MENTERI PULAU PINANG DAN ANGAN-ANGAN TENGGU RAZALEIGH HENDAK MENJADI PERDANA MENTERI TINGGAL ANGAN-ANGAN KOSONG,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, TELAH RAMAI PEMIMPIN PAS MENINGGALKAN PARTI ITU SETELAH MENYEDARI BAHAWA PEMIMPIN PAS SEKARANG +CAKAP TIDAK SERUPA BIKIN+, SAMBIL MERUJUK KEPADA BEKAS NAIB YANG DIPERTUA PARTI ITU, HAJI NAKHAIE AHMAD YANG MENINGGALKAN PARTI ITU KERANA SUDAH BOSAN DENGAN SIKAP PEMIMPIN PAS.

+SAYA PERCAYA, LAMBAT LAUN YANG DIPERTUA PAS HAJI FADZIL NOOR PUN AKAN TURUT BERUNDUR DARIPADA PARTI ITU,+ KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA KERANA TERLALU GHAIRAH UNTUK BEKERJASAMA DENGAN DAP, PARA PEMIMPIN PAS SANGGUP MENGETEPIKAN PARA ULAMAKNYA YANG SEPATUTNYA MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMBERI KATA PUTUS DALAM MENENTUKAN DASAR PARTI. -- BERNAMA